



**KITA**  
INSTITUT KAJIAN ETNIK  
INSTITUTE OF ETHNIC STUDIES

# KOLOKIUM SISWAZAH KITA

## PEMBENTANGAN DERAJ AKHIR DOKTOR FALSAFAH PENGAJIAN ETNIK

22 Disember, 2023 (3.00 petang)

Amran Bin Omar (P90503)

Penghayatan Nilai Sivik, Tahap Batas Etnik, dan Impak Tadbir Urus Kerajaan dalam Pembinaan Etos Bangsa: Kajian Ke Atas Guru Sekolah Kebangsaan di Zon Utara Semenanjung Malaysia

[https://us02web.zoom.us/j/84242845281?  
pwd=YVN1RkV1RUlzM0Exc2FTUVhhZUk3Zz09](https://us02web.zoom.us/j/84242845281?pwd=YVN1RkV1RUlzM0Exc2FTUVhhZUk3Zz09)

## Abstrak

---

Nama: Amran bin Omar  
No Matriks: P90503  
Program: Doktor Falsafah (Pengajian Etnik)  
Penyelia: Dr. Shazlin binti Amir Hamzah & Prof. Madya Dr. Chang Peng Kee

Tahap pembentangan: Deraf akhir  
Tajuk: Penghayatan Nilai Sivik, Tahap Batas Etnik, dan Impak Tadbir Urus Kerajaan dalam Pembinaan Etos Bangsa: Kajian Ke Atas Guru Sekolah Kebangsaan Di Zon Utara Semenanjung Malaysia

Pembinaan etos bangsa merupakan agenda utama yang diperkukuhkan oleh nilai sivik, tahap batas etnik, serta impak tadbir urus kerajaan. Keadaan ini selari dengan arus pembangunan sebagai jaminan kesepaduan, kestabilan dan kesejahteraan hidup seluruh rakyat Malaysia yang merupakan asas ke arah pembentukan negara bangsa dengan langkah pertama, membangunkan identiti nasional seawal di bangku persekolahan. Namun, indeks tahap perpaduan Kementerian Pendidikan Malaysia dan nilai skor indeks perpaduan nasional Kementerian Perpaduan Negara masih lagi berada pada tahap rendah dan perlu ditangani. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif melalui tinjauan keratan rentas dengan persampelan rawak bebas untuk mengenal pasti kesan langsung antara penghayatan nilai sivik, tahap batas etnik, impak tadbir urus kerajaan dalam pembinaan etos bangsa, menganalisis konstruk peramal serta menilai peranan mediator. Sampel kajian ialah 567 guru-guru di sekolah kebangsaan, di empat buah negeri Zon Utara Semenanjung Malaysia. Data kajian dianalisis menggunakan perisian IBM SPSS dan PLS-SEM bagi mengesahkan model pengukuran dan berstruktur. Dapatan menunjukkan terdapat kesan langsung yang positif dan signifikan bagi hubungan semua konstruk. Konstruk penghayatan nilai sivik, batas etnik dan impak tadbir urus kerajaan merupakan peramal bagi etos bangsa, manakala kedua-dua konstruk batas etnik dan impak tadbir urus kerajaan merupakan mediator bagi hubungan antara penghayatan nilai sivik dengan etos bangsa. Bagi membentuk etos bangsa yang kukuh, para guru perlu untuk menghayati nilai sivik dengan mengeneipkan sentimen batas etnik dan tidak terkesan dengan isu-isu tadbir urus pihak kerajaan.